

Adik-beradik ditangkap tawar jualan lampin bayi pakai buang murah di Facebook

Kaut RM3.29 juta hasil tipu 12 tahun

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

MELAKA – Polis memberkas dua beradik dipercayai terlibat dalam pelbagai penipuan termasuk penjualan lampin bayi membabitkan kerugian berjumlah RM3.29 juta sejak 2005.

Suspek lelaki berusia 36 tahun dan adik perempuannya berusia 39 tahun ditangkap pasukan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Melaka semasa bercuti di sebuah rumah inap desa mewah di Ayer Keroh di sini pada Ahad lalu.

Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd. Ali berkata, suspek dipercayai terlibat dalam 75 kes penipuan di seluruh negara termasuk menggunakan gelaran Datuk palsu.

“Siasatan mendapati suspek telah memperdaya lebih 50 indi-

vidu di negeri ini yang merupakan ejen lampin bayi membabitkan kerugian RM850,886 pada 2016.

“Kedua-dua suspek dipercayai aktif (menipu) sejak 2005 sehingga 2017.

“Mereka memperdaya ramai mangsa dengan kerugian berjumlah RM3,298,135,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di sini semalam.

Menurut beliau, daripada 75 kes penipuan itu, dua daripadanya merupakan kes di Melaka melibatkan mangsa berusia dalam lingkungan 30-an yang menguruskan 50 ejen untuk menjual lampin bayi.

Jelas Abdul Majid, suspek menjanjikan stok lampin bayi pakai buang yang dijual sebanyak 48 sehingga 60 keping sekotak.

Mengikut modus operandi,

suspek mengiklankan produk tersebut di laman Facebook dengan tawaran harga rendah dan meyakinkan mangsa bahawa mereka mampu menyediakan bekalan seperti dijanjikan mengikut tempahan.

“Kita percaya perancang utama adalah suspek lelaki, manakala adiknya menguruskan transaksi pemindahan wang daripada mangsa,” katanya.

Antara penipuan lain yang dilakukan suspek termasuk pembelian kereta, komputer riba, sewaan kereta, pakej telefon bimbit, pakej pelancongan, jongkong emas dan set aksesori motosikal.

Selain tangkapan, polis merampas tiga buah telefon bimbit dan kad palsu keahlian parti politik tertera nama suspek lelaki dengan gelaran Datuk.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



ABDUL MAJID menunjukkan dua suspek yang ditahan (gambar atas) berhubung kes penipuan pada sidang akhbar di Melaka semalam.